



MENDEPANI CABARAN ISU GLOBAL

Bukan sesuatu yang mudah untuk membuat ramalan ataupun jangkaan tentang perkara yang bakal ditempuhi sepanjang tahun 2022. Setiap yang berlaku di muka bumi ini berada di luar batas dan ilmu pengetahuan manusiawi.

Walaupun bagaimanapun, dalam konteks disiplin, hubungan antarabangsa yang memfokuskan terhadap interaksi antara sistem politik antarabangsa dengan aktor terpenting sama ada aktor negara (*state actor*) atau aktor bukan negara (*non-state actor*), berupaya memberikan sekurang-kurangnya gambaran kasar mengenai corak dan ciri-ciri pentas global sepanjang tahun 2022.

Umum mengetahui bahawa terdapat beberapa peristiwa lampau yang berlaku di luar jangkaan khususnya oleh pemerhati politik antarabangsa. Antara peristiwa tersebut, termasuklah Revolusi Islam Iran pada tahun 1979 yang menamatkan pemerintahan monarki Dinasti Pahlavi Iran sejak tahun 1920-an. Rentetan daripada revolusi ini, dunia Barat dilanda kebimbangan apabila dunia Islam atau *Pax Islamica* bangkit semula yang dikatakan boleh mengancam dominasi mereka di pundak dunia. Namun begitu, jangkaan ini meleset kerana bukan sahaja tunas kebangkitan dunia Islam tidak menjelma, malah lebih parah ialah pertelagahan sesama negara Islam dengan kemuncaknya teretus perang antara Iran dengan Iraq selama lapan tahun, yakni dari tahun 1980 hingga 1988.

Persaingan antara Washington dengan Moscow di pentas antarabangsa telah mewujudkan peperangan yang bersifat ideologikal dan permainan persepsi sehingga dinamakan sebagai "Perang Dingin". Apabila era Perang Dingin berakhir, suasana sistem politik antarabangsa secara tidak langsung bertukar kepada pasca-Perang kecelaruan dan ketidaktentuan. Dalam situasi pasca-Perang Dingin, Amerika Syarikat berfungsi sebagai kuasa hegemoni dunia tunggal, namun era dominasi Amerika Syarikat pada abad ke-21 dilihat masih gagal dalam mengekalkan kestabilan dan keamanan dunia. Dunia terus bergolak dengan isu baharu yang terus mengancam nilai kemanusiaan sejagat.

Fenomena Terrorisme Global

Fenomena terrorisme global merupakan satu ancaman baharu pasca-Perang Dingin khasnya kepada dunia Barat selepas terjadinya Tragedi 11 September 2001. Yang malangnya, fenomena ini telah mengeruhkan hubungan

dunia Barat dengan dunia Islam yang lemas diselaputi dengan sindrom "Islamophobia".

Pada hakikatnya, masyarakat Barat telah menerima maklumat dan ilmu yang kurang tepat terhadap Islam. Bagi mereka, Islam merupakan agama yang hanya mementingkan keganasan dan membenarkan aktiviti terrorisme bermaharajalela. Istilah Salafi, jihad, wahabisme dan fundamentalis Islam disalahertikan oleh para sarjana Barat dan dalam kalangan sarjana Islam sendiri yang tidak memiliki pendidikan asas agama yang kukuh, yakni lebih kepada asuhan semata-mata daripada organisasi atau persatuan Islam tertentu.

Bagi mereka imej "Salafi" dan "jihad" ini yang sering kali dikaitkan dengan kumpulan Al-Qaeda dan ISIS (negara Islam di Iraq dan Syam) merupakan punca utama penganut Islam bersikap lebih radikal dan tidak terbuka. Timbul persoalan, dari manakah sumber kedua-dua istilah ini dipelajari dan difahami? Wajarkah istilah Salafi dan jihad ini hanya dinisbahkan kepada sekumpulan radikal Islam? Jika dilihat dari perspektif Islam yang sebenarnya, golongan Salafi merupakan generasi Islam terawal yang hidup dalam lingkungan 300 tahun dari era kenabian Muhammad SAW. Jikalau generasi Salafi ini dianggap radikal dan tidak terbuka, maka mengapakah dakwah Islam boleh berkembang dengan baik sehingga umat Islam sekarang sudah mencecah seramai 1.9 bilion orang?

Penularan COVID-19

Tidak cukup dengan persoalan terrorisme global dan implikasinya terhadap dunia Islam yang masih membelenggu, penduduk dunia kini sedang bergelut pula dengan cabaran baharu, iaitu wabak COVID-19 sejak penghujung tahun 2019. Setakat ini, pandemik COVID-19 telah mengorbankan nyawa lebih daripada lima juta orang. Impak merebaknya virus ini memperlihatkan bahawa kerdilnya manusia dengan ketentuan Pencipta walaupun manusia kini sudah mencapai tahap peradaban yang tinggi. Tambahan pula, hingga ke saat ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) masih belum berjaya mencari "penawar muktamad" untuk menghentikan penularan virus COVID-19. Seperti

dijangkakan, fenomena penularan COVID-19 ini seiring dengan terrorisme global (walaupun sudah dilihat semakin tenggelam) akan terus mendominasi isu cabaran global pada tahun 2022.

Persaingan Amerika Syarikat-China

Meniti tahun 2022, cabaran isu global yang dirasakan menjadi penentu kepada corak kendalian pemicu sistem dan struktur politik antarabangsa ialah persaingan antara Amerika Syarikat dengan China. Walaupun ada pihak yang masih pesimis (sebagai contoh, merujuk tulisan Michael Schuman, *The Atlantic*, 16 Jun 2020) dengan kemungkinan persaingan Washington dan Beijing tidaklah akan setaraf dengan perseteruan Moscow-Washington semasa Perang Dingin yang lalu kerana berdasarkan kepada petunjuk yang masih memihak kepada Amerika Syarikat sebagai kuasa hegemoni tunggal.

Hal ini boleh dikaitkan dengan beberapa indikator seperti keluaran hasil dunia tahun 2018 (*economic output*) yang masih diterajui oleh Amerika Syarikat sebanyak A.S.\$20.5 trilion berbanding dengan China A.S.\$13.6 trilion (walaupun China sudah diisytiharkan sebagai negara terkaya masa kini dengan jumlah harta kekayaan sebanyak A.S.\$120 trilion berbanding dengan Amerika Syarikat A.S.\$90 trilion), penghasilan model dan produk kejuruteraan teknologi tinggi yang masih dikuasai oleh Amerika Syarikat, khususnya penghasilan Boeing, komputer cip dan platform media sosial, seperti Facebook, Alphabet dan Twitter yang menenggelami media Internet China, seperti Tencent, Baidu dan Sina Weibo. Malah, universiti di Amerika Syarikat masih mengungguli senarai 50 universiti terbaik dunia jika dibandingkan dengan China, yakni Universiti Peking yang berada pada kedudukan ke-92 dalam senarai universiti terbaik di dunia.

Mungkin ada benarnya tulisan Michael Schuman itu, namun perlu diingatkan bahawa jatuh bangunnya sesebuah empayar atau negara berstatus kuasa besar sangat berkaitan rapat dengan suhu pertumbuhan ekonomi. Jika pertumbuhan ekonomi dapat dirangsang dengan baik, maka kelangsungan atau kebangkitan sesebuah negara untuk mencapai status kuasa hegemoni dunia akan dapat dicapai. Misalnya, keruntuhan Empayar Uthmaniyah pada abad ke-20 dan bekas Soviet Union pada awal tahun 1990-an. Kedua-duanya tersungkur ke bumi disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang

amat merosot dan dibebani dengan hutang yang tinggi, serta faktor lain.

Situasi inilah yang diutarakan oleh Paul Kennedy (1987) dalam bukunya yang bertajuk *The Rise and Fall of Great Powers* yang berkaitan dengan keadaan sesebuah kuasa besar boleh mengalami zaman kemusnahan apabila berlaku *overstretch* atau melakukan suatu tindakan dan komitmen melebihi kemampuan yang ada. Dalam erti kata lain, kuasa besar akan mengalami zaman kemerosotan dan akhirnya lenyap era keemasan mereka apabila keadaan ekonomi yang tidak memungkinkan untuk membiayai sebarang bentuk tindakan khususnya ketenteraan dan kos pengawasan pentadbiran wilayah di luar negara.

Oleh hal yang demikian, kemungkinan China mampu mengambil alih kuasa hegemoni Amerika Syarikat jika pencapaian pertumbuhan ekonomi dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pada ketika itu, kemungkinan China mula kelihatan serius dan tegas dalam menangani beberapa isu atau konflik dunia pada masa depan seperti perkembangan politik di Afghanistan, konflik Israel-Palestin dan konflik di Yaman, maka hal ini dianggap pada ketika itu bermulalah kembara China menuju ke puncak pemerintahan dunia seiring dengan Amerika Syarikat.

Pencemaran Alam Sekitar

Dalam kita membicarakan tentang isu terrorisme global, pandemik COVID-19, persaingan Amerika Syarikat-China, isu pencemaran dan kemerosotan kesihatan alam sekitar antarabangsa tidak dapat dinafikan termasuklah dalam senarai isu cabaran global pada tahun 2022. Hal ini sememangnya diakui bahawa bumi sudah tua dan manusia berdepan dengan kemelut fenomena pencemaran alam sekitar yang jika tidak ditangani dengan baik akan menyebabkan kelangsungan hidup manusia dan ekosistem semula jadi bakal terancam.

Pada dasarnya, pemimpin dan masyarakat sedar akan isu pencemaran alam sekitar. Skop pencemaran alam sekitar global merangkumi pelbagai aspek, termasuklah isu pencemaran udara dan air, pemanasan global, perubahan iklim, ketidakseimbangan antara pembangunan industri dengan pemuliharaan alam sekitar dan sebagainya. Keadaan yang tidak menyebelahi ini jika tidak dibendung dan diberikan penyelesaian dengan kadar segera, maka penduduk dunia boleh tersepit dengan isu ketidakcukupan makanan, tanah

pertanian yang terhakis setiap tahun, cuaca dunia yang semakin panas, ancaman ekosistem haiwan dan tumbuhan akibat pembuangan sisa pepejal, terutamanya plastik tanpa kawalan dan banyak lagi.

Dalam persidangan *Conference of the Parties (COP26)* di Glasgow, Scotland pada 31 Oktober hingga 12 November 2021 yang lalu, pemimpin utama dunia telah melakukan perbincangan dan mengenal pasti tindakan yang sewajarnya dilaksanakan bagi memulihkan semula alam sekitar. Pada hakikatnya, banyak lagi perkara yang boleh dilakukan oleh semua negara dan penduduk dunia untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan kemajuan industri dengan pemuliharaan alam sekitar dengan jayanya.

Antaranya menguruskan semula pembuangan sisa pejal dengan lebih teratur dan sistematik, merancang penanaman semula proses penghijauan pada peringkat lokal dan antarabangsa, membudayakan penanaman secara agroindustri dan organik, membersihkan dan menyelenggarakan semula aliran sungai yang sudah tidak berfungsi di kawasan bandar dan luar bandar, memberikan pendidikan penjagaan alam sekitar di peringkat rendah dan lain-lain lagi. Meskipun pelbagai inisiatif diperkenalkan, kesemua ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan kemahuan politik para pemimpin dan kerjasama bersepadu daripada semua peringkat kepimpinan organisasi hinggalah kepada masyarakat setempat.

Tuntasnya, masih terdapat isu global selain daripada keempat-empat isu (terrorisme global, penularan COVID-19, persaingan Amerika Syarikat-China dan pencemaran alam sekitar) yang perlu dibincangkan pada tahun 2022. Namun begitu, penulis berasakan bahawa keempat-empat isu tersebut merupakan isu utama yang dunia perlu bersedia untuk menghadapinya. Tanpa persediaan yang rapi dan menyeluruh, sesebuah negara bakal menghadapi saat yang lebih meruncing. Oleh itu, semua negara dan masyarakat global perlu bersatu padu untuk menangani isu tersebut agar kesejahteraan dan keamanan di dunia ini dapat dikekalkan dengan baik. □